



TALKING POINT

**YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA
SESI ENGAGEMENT PEGAWAI SERANTA YPM
BERSAMA AHLI LEMBAGA PENGARAH YPM**

**ARAS 1, SAHABAT DINING
CARLTON HOTEL HOLIDAY & SUITES
SHAH ALAM**

**19 SEPTEMBER 2017 (SELASA)
WAKTU KETIBAAN : 8.30 MALAM**

Assalamu'alaikum waramahtullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Negaraku Malaysia

A. UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

- Kepada Ahli Lembaga Pengarah, Barisan Pengurusan dan Pegawai Seranta Yayasan Pelajaran MARA yang hadir
- Kepada Jawatankuasa Pelaksana Majlis
- Tahniah juga kepada semua yang telah menjayakan sesi *engagement* antara Pegawai Seranta dan Ahli Lembaga Pengarah pada petang tadi.

- Di harap hasil daripada pertemuan ini menemui satu titik tolak bagaimana peranan dan tanggungjawab Pegawai Seranta terhadap memelihara hubungan baik antara organisasi yang dianggotai dengan orang ramai serta bagaimana dapat meningkatkan imej Yayasan Pelajaran MARA.

B. PENDAHULUAN

- Seperti yang kita ketahui, sempena sambutan ke 50 tahun MARA, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan bahawa YPM akan dijenamakan semula kepada Yayasan MARA bagi membolehkan yayasan dapat meluaskan bantuannya dan tidak hanya tertumpu kepada pelajaran sahaja.

C. PERANAN PEGAWAI SERANTA

- Peranan Pegawai Seranta jika dihayati dengan lebih mendalam adalah merupakan duta kecil yang seharusnya memastikan YPM kekal relevan dan kekal sebagai warisan berharga orang-orang melayu.

- Pegawai Seranta juga seharusnya berupaya menjelaskan semua dasar-dasar kerajaan yang akan dilaksanakan, sedang dilaksanakan dan telah dilaksanakan oleh kerajaan kepada kumpulan sasar yang terlibat.

- Ini merupakan usaha memenangi hati dan pemikiran kumpulan sasar dan seterusnya mengekalkan sokongan mereka terhadap usaha-usaha kerajaan di dalam pelbagai aspek.

- Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa skop kerja Pegawai Seranta YPM merupakan adalah antaranya hanya membantu YPM/MARA dalam melaksana dan menjayakan aktiviti /program di pelbagai peringkat melibatkan pelbagai agensi kerajaan, swasta, NGO dan masyarakat.

- Oleh yang demikian, saya amat berharap dalam melaksanakan tugas tersebut, anda semua hendaklah berupaya mengenalpasti, menyesuaikan dan melaksanakan program dan aktiviti YPM di negeri masing-masing dengan menyesuaikan secara bersama pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dan agensi-agensi di bawah KKLW serta agensi lain yang berkaitan.

- Pegawai seranta YPM perlu mendapatkan maklumat mengenai perkembangan sosiopolitik dan ekonomi di negeri masing-masing dan memproses maklumat berkenaan untuk dijadikan asas tindakan seterusnya kerana maklumat-maklumat ini akan dikumpul dan seterusnya akan dianalisis di peringkat kementerian.

- Bagi memastikan perkara ini berlaku di dalam persekitaran YPM, maka pendedahan kepada pegawai seranta bagaimana untuk menyebar dan memberikan maklumat serta menjelaskan isu-isu semasa kepada masyarakat dalam pelbagai bentuk media seperti media cetak, media elektronik atau bersemuka perlulah dilaksanakan.

- Oleh yang demikian, amatlah tidak wajar perkara-perkara seperti tidak menghantar laporan, tidak mewujudkan kerjasama antara agensi, bekerja secara solo sahaja dan tidak melaksanakan tugas yang diberikan dengan sebaiknya seperti yang dilaporkan oleh pengerusi sementara sebentar tadi.

- Saya amat memandang serius berkenaan perkara ini, walaupun hanya segelintir sahaja Pegawai Seranta yang tidak memberikan kerjasama yang baik, tetapi nama baik KKLW, MARA dan seterusnya YPM haruslah dipelihara dan dijaga dengan sekemahnya kerana anda adalah merupakan tulang belakang dan mata-mata kami.

D. ELAUN KHAS

- Bagi menaikkan semangat Pegawai Seranta semua dalam mendepani hari yang lebih mencabar pada masa hadapan maka saya umumkan bahawa mulai 1 oktober 2017, semua Pegawai Seranta YPM di seluruh negara akan diberi elaun khas baru yang menyamai satu (1) kenaikan tahunan yang merupakan kenaikan khas dalam elaun Pegawai Seranta. Elaun khas ini akan mula dibayar pada bulan Oktober 2017.

- Dari segi pelaksanaan, YPM akan menguruskannya dan ini merupakan satu motivasi kepada semua Pegawai Seranta YPM agar selepas ini anda semua dapat melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa serta mengemukakan laporan kepada kami yang meliputi perkembangan terkini

secara umum mengenai politik, ekonomi dan sosial bagi setiap negeri di samping laporan program dan aktiviti YPM.

E. PENUTUP

- Sekali lagi tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat
- Saya mendoakan YPM maju jaya, cemerlang ke akhirnya.